

# Permass anjur program Mahasiswa dan Masyarakat Siri 1.0

VB 23.5.2019 B2

KOTA KINABALU: Persatuan Mahasiswa Sains Sosial dan Seni (Permass), Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan baru-baru ini mengadakan program Mahasiswa dan Masyarakat Siri 1.0 dengan kerjasama Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Rancangan Suan Lamba, Kota Kinabatangan pada 21 April lalu.

Pengarah program Darmina Goot berkata, seramai 30 orang pelajar menjadi ahli jawatankuasa bagi program

ini sekaligus menjadi peserta sebagai anak angkat di Kampung Rancangan Suan Lamba. Seramai 11 keluarga angkat mengambil pelajar sebagai anak angkat mereka selama empat hari tiga malam.

“Objektif program itu adalah bagi memberi peluang kepada mahasiswa untuk menjadikan aktiviti kemasyarakatan seperti ini sebagai platform untuk berbakti kepada masyarakat. Selain itu, memberikan juga peluang kepada mereka

untuk berinteraksi dengan penduduk setempat serta mengenali budaya dan cara hidup mereka,” katanya.

Majlis penutupan program Mahasiswa dan Masyarakat 1.0 dirasmikan oleh Pegawai Pemaju Masyarakat (CDO) UPPM Sukau Rohaizad@Hafizal Awang Mohamad.

Pelbagai aktiviti menarik dijalankan sepanjang program ini berlangsung seperti merewang bersama penduduk kampung dan mengagih sebanyak 400 bungkus bubur lambuk kepada warga

penduduk.

Selain itu, sukan rakyat, pertandingan karaoke, santai bersama belia menjadi satu pengisian yang bermakna dalam menjayakan program berkonsepkan mahasiswa dan masyarakat ini.

Mahasiswa UMS juga mengadakan program motivasi UPSR dengan pelajar tahun 6 SK Rancangan Suan Lamba.

Selain itu, program ini juga diisi dengan taklimat keusahawanan yang disampaikan oleh Mama Faiz Bakery bagi memberikan



**AJK Permas merakam gambar kenangan selepas menjayakan program Mahasiswa dan Masyarakat di Kg Rancangan Suan Lamba Kinabatangan.**

peluang kepada penduduk kampung agar sentiasa mengambil ruang dan peluang dalam dunia keusahawanan teruatomanya bagi suri rumah.